

# Vaksin CLA berjaya ditemukan

**PUTRAJAYA 24 Nov.** - Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjaya menghasilkan vaksin bagi mengawal penyakit *Caseous Lymphadenitis* (CLA) atau sejenis bisul yang menyerang kambing dan biri-biri.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam satu kenyataan berkata, hasil daripada ujian terhadap vaksin tersebut mendapati ia boleh memberi perlindungan kepada kambing dan biri-biri yang disuntik sehingga 83 peratus.

Jelasnya, ia selamat serta tidak mempunyai kesan sampingan justeru kambing dan biri-biri yang berusia enam tahun ke atas sesuai untuk diberikan vaksin tersebut.

“Penyakit CLA ini sukar dirawat. Kawalan penyakit perlu dilakukan bagi mengawal penyakit ini daripada merebak. Ketika ini tiada vaksin

tempatan dihasilkan untuk mengawal penyakit ini. Oleh itu penyelidikan dijalankan bagi menghasilkan vaksin tempatan yang efektif.

“Sekiranya penyakit ini dikesan dalam daging kambing atau biri-biri, keseluruhan daging akan dimusnahkan. Tetapi jika hanya satu bisul dikesan dan tidak merebak, bahagian yang terkena itu akan dibuang manakala selebihnya diluluskan untuk dimakan,” jelas kenyataan itu di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, UPM akan mempatenkan vaksin itu dengan UPM bersama Institut Penyelidikan Veterinar akan menjadi pemilik bersama.

Dalam pada itu, Institut Penyelidikan Veterinar akan mengambil alih penyelidikan bagi peringkat seterusnya untuk menambah baik vaksin berkenaan bagi tujuan

pendaftaran vaksin dengan Jawatankuasa Pendaftaran Bahan Biologi di Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebelum dikomersialkan.

“Pada masa depan UPM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhasrat untuk menjalankan lebih banyak kerjasama dalam bidang penyelidikan penyakit ternakan bagi menangani masalah penyakit di lapangan,” kata kenyataan itu.

Dalam usaha menjayakan kerjasama itu, satu surat hasrat untuk pemilikan bersama telah ditandatangani semalam antara Timbalan Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa.

Majlis menandatangani surat hasrat itu disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.